




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 26 RABU 27HB. JUN, 1973. 1393 رابو 26 جمادى الاول PERCHUMA

Pmk M.B. merasa bangga dengan usana penduduk2 Kg. Belimbing

SUBOK. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail merasa bangga dan menyampaikan tahniah atas inisiatif penduduk2 di-Kampung Belimbing-Subok mengusahakan hasil pertanian yang bermutu tinggi.

Yang Amat Mulia hampir2 tidak percayanya hasil2 pertanian yang di-pertunjukkan itu ada-lah hasil usaha dari penduduk2 kampung itu sendiri.

Pemangku Menteri Besar yang membuat tinjauan dan lawatan ka-beberapa buah kampung di-Daerah Brunei/Muara sempena sambutan Hari Pelajar pada hari Ahad lepas antara-nya telah sempat melawat ka-Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas di-Subok dan telah di-minta untuk bersabda di-tamasha tersebut.

Yang Amat Mulia antara lain bersabda, "Saya benar2 tertarik atas hasil pertanian yang saya saksikan di-kampung ini dan ia-nya sangat2 menggalakkan kerana pada mu'a-nya saya fikir hasil2 itu di-usahakan oleh orang2 asing, tetapi sebalik-nya di-usahakan oleh orang2 sa-bangsa dengan saya, sa-jiwa dengan saya dan sa-ugama dengan saya".

Berthabit dengan perkara itu Pemangku Menteri Besar berharap supaya usaha2 seperti itu dapat di-perbesar lagi untuk menampung sara hidup raayat dan penduduk dalam negeri ini dan usaha demikian memang di-galakkan oleh Kerajaan.

Yang Amat Mulia itu juga menyuruh mereka supaya membawa hasil2 pertanian itu untuk di-jual ka-Bandar Seri Begawan.

(Lihat Muka 8)



Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz.

Perubahan syarat perkhidmatan untuk menarek anak2 tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Buroh. Awang Mohammad Ali bin Haji Awg. Besar telah mengeluarkan satu surat keliling kepada majikan2 bagi pekerja2 dan kakitangan2 asing mengenai pekerjaan dalam sektor2 persendirian.

Pesuruhjaya Buroh itu menyatakan bahawa untuk mengikut dasar Kerajaan dan menarek pekerja2 tempatan di-sektor2 persendirian, perubahan syarat perkhidmatan yang di-amalkan buat masa ini ada-lah perlu.

Beliau berkata, ranchangan dan syarat perkhidmatan telah di-shorkan dan para majikan

Untuk mempraktikkan dasar2 bagi menjaga kepentingan raayat

Tujuan k'jaan mengeluarkan notis kpd pekerja2 asing

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah menegaskan tentang tujuan Kerajaan mengeluarkan notis kepada pekerja2 asing untuk meninggalkan negeri ini dalam tempoh2 yang di-tentukan.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan tidak-lah berniat untuk menghalau pekerja2 asing itu, tetapi ada-lah semata2 untuk mempraktikkan dasar2 bagi menjaga kepentingan raayat, di-samping merupakan satu ujian kepada pekerja2 asing dan majikan itu dalam memastikan apa-kah kehendiran mereka itu sa-lama ini memberikan faedah2 kepada ekonomi raayat dan negara.

Ini telah di-tegaskan beliau dalam satu perjumpaan dengan pemimpin2 Dewan Perniagaan China yang berlangsung di-Bilek Persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada petang Isnin lepas.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan sama sekali tidak berniat untuk menyakiti pe-

(Lihat muka 8)

UCHAPAN TERIMA KASEH

MENJUNJONG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bol-kiah, mengucapkan ber-banyak2 terima kasih di-atas ucapan tahniah yang telah di-sampaikan di-masa Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati, isteri Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bol-kiah, melah-irkan sa-orang Putera, yang bernama Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Ha-keem pada hari Rabu 13hb. Jun, 1973 pukul 1.00 petang, yang menjadi chunda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja.

Tarikh penutup di-tunda hingga 1hb Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh penutup bagi menghangat lukisan2 ka-Peraduan Senilukis Perengkat Kebangsaan sempena sambutan Hari Keputeraan yang ke-27 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan di-lanjutkan masa-nya sahingga 1hb. Ogos, 1973.

Setia Usaha Peraduan, Awang Salleh bin Ibrahim menyatakan bahawa langkah melanjutkan ta-rikh penutupan itu ia-lah oleh kerana memandang kepada keadaan

dan untuk memberikan peluang kepada pelukis2.

Beliau berkata sa-telah lukisan2 itu di-hakimkan, semua lukisan sama ada yang berjaya atau pun tidak akan di-pamerkan kepada orang ramai sa-lama 10 hari mulai dari 22hb. Ogos.

Awang Salleh juga menyatakan bahawa hadiah pertama tiap2 bahagian akan di-berikan wang tunai sa-banyak \$500.00; hadiah kedua, \$250.00 dan hadiah ketiga sa-banyak \$150.00.

ada-lah di-minta supaya mematohi-nya sa-bagai taraf minima:-

Tingkatan gaji: Minima \$180.00 sa-bulan atau \$6.50 sa-hari dengan kenaikan tahunan.


Masa bekerja: Maksima 8 jam sa-hari, sebentar bayaran lebih masa lebih dari 8 jam pada kadar satu kali satu sa-tengah.

Pesuruhjaya Buroh itu juga menyatakan bahawa hari rehat yang di-chadangkan ia-lah sekurang2-nya sa-hari dalam sa-minggu yang mana mesti di-tetapkan dan di-samakan.

Mengenai hari2 kelepasan awam, beliau berkata, pekerja2 mesti-lah di-beri sekurang2-nya 9 hari chuti kelepasan awam tiap2 sa-tahun dengan bayaran penuh dan chuti tahunan sekurang2-nya 7 hari dengan gaji penuh.

Pesuruhjaya Buroh menekankan bahawa lain2 kemudahan seperti tambang2 dan baksis tahunan adalah satu perangsang untuk menarek orang2 tempatan mengambil bahagian dalam sektor2 persendirian.

Beliau menambahkan bahawa, dengan mengadakan ranchangan dan syarat perkhidmatan seperti yang di-sebutkan itu, ia-nya akan memberikan jaminan supaya banyak lagi orang2 tempatan yang akan tertarik bekerja di-sektor2 persendirian supaya boleh mengatasi masaalah pekerja2 asing.



SUKAN tahunan Sekolah Rendah Melayu Bahagian Brunei Tiga telah diadakan di-Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar pada minggu lalu.

Sukan tersebut telah di-rasmikan oleh Penghulu Mukim Sungai Brunei Pengiran Abdul Kahar bin Pengiran Haji Besar sementara hadiah2 di-sampaikan oleh Ketua Kampong Sungai Besar, Awang Haji Ibrahim bin Puteh.

Gambar atas menunjukkan pasokan2 berkumpul sa-belum sukan di-mulakan.

Peraduan pintu gerbang dan berchuchol

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan pintu gerbang dan berchuchol ada-lah merupakan salah satu daripada acara dalam rangkaian meraihan sambutan Hari Keputeraan dibawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Brunei-Muara.

Peraduan pintu gerbang terbahagi kepada dua bahagian, ia itu di-jalan raya dan di-kawasan bangunan.

D.P.C. setuju dasar kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Tan Tien Chin selaku pengerusi dewan perniagaan China telah menafikan berita2 akhbar Borneo Bulletin keluaran 16hb. Jun lalu yang memetik beliau sebagai menyatakan bahawa bukan-lah merupakan tindakan kerajaan yang serta merta, tetapi ramai di-antara anggota mereka yang tidak berpelajaran dan tidak mendengar sangat amaran kerajaan.

Beliau juga di-petik sa-bagai berkata, yang kedai2 mereka dibuka dari pukul 7.00 pagi hingga 9.00 malam dan sa-tiap orang bekerja keras. Ada-lah sukar untuk mendapatkan ra'ayat tempatan yang boleh bekerja sa-lama masa yang panjang itu.

Sa-orang lagi anggota juga di-petik sa-bagai menyatakan, bahawa pekerja2 China dari Sabah dan Sarawak boleh bertutor bahasa Melayu, China dan Inggeris, tetapi anak2 Melayu tempatan bertutor dengan menggunakan bahasa Brunei jadi bagaimana mereka hendak mengharap-nya dapat melayani pelanggan dengan sempurna.

Kata-nya, memandang kepada kesulitan itu mereka mengharap-kan supaya kerajaan akan mengurangkan peratus pekerja2 asing yang harus meninggalkan negeri ini, sekurang2-nya dalam masa sa-tahun lagi.

Awang Tan Thien Chin me'ahirkan rasa hairan bila membaca berita tersebut dalam akhbar itu dan beliau menafikan pernah menyatakan sa-demikian.

Kata-nya, Dewan Perniagaan China setuju dengan dasar kerajaan dan jika ada sesuatu kesulitan yang di-hadapi, mereka sedia akan menghadapkan kesulitan2 itu kepada pihak Setia Usaha Kerajaan untuk di-pertimbangkan.

Peraduan itu ada-lah terbuka kepada pertubuhan2, saudagar2, kontrekter2, jabatan2 kerajaan dan persatuan2 belia.

Peserta2 hendak-lah menghantar permohonan sa-chara bertulis atau mendapatkan borang daripada Pengerusi Peraduan Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, atau Setia Usaha, Awang Asmat bin Haji Md. Salleh, di-Jabatan Kerja Raya, Bahagian Bangunan. Brunei.

Peraduan berchuchol pula di-bahagi kepada tiga bahagian ia itu bagi rumah2 di-luar daripada kawasan Bandar Seri Begawan dan kedua sekolah2, dan permohonan untuk menyertai peraduan itu ia-lah sa-crara bertulis atau terus berhubung kepada Pengerusi atau Setia Usaha di-alamat yang sama.

Satu lagi bahagian ia-lah untuk kedai2, bangunan2 dan rumah2 di-dalam kawasan Bandar Seri Begawan yang tidak di-kehendaki menghantar permohonan, tetapi hendak-lah menyalakan lampu2 di-masa yang di-tentukan supaya dapat di-hakimkan.

(Lihat muka 6)

Pertunjukan Bunga2 Hidup

BANDAR SERI BEGAWAN. — Wang Tunai sa-banyak \$1,000 telah di-untukkan bagi hadiah2 kepada pemenang2 peraduan dalam Pertunjukan Bunga2 Hidup, satu acara bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-27, yang akan di-adakan pada bulan Julai hadapan.

Pertunjukan ini di-kelolakan oleh Pertubuhan Perikumpulan Perempuan (W.I.) Brunei dengan anjuran Jawatankuasa Tertinggi bagi menyambut hari keputeraan pada tahun ini. Tujuan2 mengadakan pertunjukan ini ia-lah supaya memberi galakan kepada peminat2 penanam bunga2 okid dan lain2 jenis bunga di-Negeri Brunei, sambil memberi peluang kepada orang ramai menilai keindahan bunga2 dan okid2 tempatan. Menanam bunga2 dan okid bukan sahaja mengindahkannya rumah2 tangga bahkan juga menjadikan satu nasaran untuk perniagaan.

Jawatankuasa yang telah di-tubuhkan terdiri dari ahli2 W.I. Dayang Masni Haji Ali, Yang

(Lihat Muka 3)

Pastikan beneh2 bebas dari penyakit sa-belum di-tanam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penanam2 padi di-seluruh negeri ada-lah di-ingatkan supaya memastikan beneh2 padi yang akan mereka tanam dalam musim menanam tahun 1973/74, bebas dari penyakit supaya mendapat hasil yang baik.

Jabatan Pertanian Bahagian Kaji Penyakit Tumbuh2an akan memberi perkhidmatan perchuma dan sedia menerima beneh2 tersebut untuk di-uji.

Sa-lain dari itu rachun yang di-banchoh dengan beneh2 padi sa-belum di-semai atau di-tugal juga akan di-beri perchuma dan ini ada-lah sa-bagai suatu langkah permulaan untuk menentang atau mengurangkan penyakit2 saperti

bentek2 pirang dan bangasaan yang di-sebabkan oleh chendawan2 yang hinggap di-luar dan dalam beneh.

Dalam musim padi pada tahun la'u kira2 sa-paroh dari beneh2 padi yang di-tanam di-negeri ini telah di-banchoh sa-belum di-tanam.

Penanam2 padi yang berkehendakan rachun2 tersebut boleh-lah berhubung dengan pegawai2 pertanian di-daerah masing2 atau berhubung terus kepada Pejabat Pertanian Bahagian Kaji Penyakit Tumbuh2an di-batu 3 Jalan Berakas.

Berikut ini ia-lah penetapan jadual menanam padi paya dan tugal bagi Daerah Brunei-Muara bagi musim menanam 1973/74.

PADI SAWAH

Bil.	Tempat (Mukim).	Menyediakan Sawah.	Mulai Menyemai.	Mulai Bertanam.	Habis Bertanam.
1.	Kilanas	5/7/1973	30/8/1973	30/9/1973	15/11/1973
2.	Taniong Bunot	"	20/8/1973	1/9/1973	"
3.	Sengkurong — Mulaut	"	30/8/1973	15/9/1973	"
4.	Tanjong Nangka — Lugu	"	"	"	"
5.	Kulapis	"	"	"	"
6.	Bebatek, Masin	"	"	"	"
7.	LUMAPAS — Junjongan	5/7/1973	15/8/1973	24/9/1973	24/11/1973
8.	Tandiran Kasat	5/7/1973	30/8/1973	30/9/1973	15/11/1973
9.	Naribong — Ba'ong	"	"	"	"
10.	Batong	"	"	"	"
11.	Imang	"	"	"	"
12.	Wasan	"	"	"	"
13.	K. Luar — Be-buloh LIMAU MANIS	"	"	"	"
14.	Pengkalan Batu	"	"	"	"
15.	Sengkurong	"	"	"	"
16.	Menunggol Laut — Pulau Baru-Baru	"	"	"	"
17.	Beribi — Mata-Mata	30/7/1973	8/9/1973	30/9/1973	30/11/1973
18.	Tanah Jambu	"	"	"	"
19.	Mentiri	"	"	"	"
20.	Salambiger	"	"	"	"
21.	Kapok — Serasa	5/7/1973	30/8/1973	30/9/1973	15/11/1973
22.	Sungai Hanching	30/6/1973	8/9/1973	30/9/1973	15/11/1973
23.	Lambak	"	"	"	"
24.	Madang — Tilong	"	"	"	"
25.	Sungai Akar — Mangis	"	"	"	"
26.	Delima I	"	"	"	"
27.	Kiarong — Rim-ba — Tungku.	"	"	"	"

TANAM PADI TUGAL (BUKIT)

Bil.	Tempat (Mukim)	Tebasan Hutan.	Penghabisan Tebas Hutan.	Membakar Tebasan.	Habis Menugal.
1.	Delima I, Lambak dan Berakas	5/6/1973	6/8/1973	10/9/1973	30/9/1973
2.	Terunjing	"	"	"	"
3.	Madang	"	"	"	"
4.	Sungai Asam	"	"	"	"
5.	Sungai Hanching	"	"	"	"
6.	Subok	15/6/1973	14/7/1973	13/8/1973	12/9/1973
7.	Belimbing	"	"	"	"
8.	Menunggol — Riong	"	"	"	"
9.	Rimba	"	"	"	"
10.	Gadong	"	"	"	"
11.	Pengkalan Batu	2/7/1973	11/8/1973	15/9/1973	14/10/1973
12.	Burong Lepas	5/6/1973	14/7/1973	18/8/1973	17/9/1973
13.	Junjongan	"	"	"	"
14.	Tanjong Kindana	"	"	"	"
15.	Sungai Besar	"	"	"	"
16.	Beribi — Mata-Mata	"	"	"	"
17.	Jerudong	1/6/1973	"	1/9/1973	"
18.	Menunggol — Riong	"	"	"	"
19.	Lugu	25/6/1973	"	"	"
20.	Kiarong	15/6/1973	"	"	"
21.	Kiulap	"	"	"	"
22.	Pudak	"	"	"	"
23.	Serdang	"	"	"	"
24.	Madang — Tilong	"	"	"	"
25.	Sungai Akar — Mangis	"	"	"	"
26.	Lumapas	15/6/1973	"	"	"
27.	Pudak — Kuala Brunei	"	"	"	"
28.	Limau Manis	"	"	"	"

Segala tugas dan kewajipan hendak-lah tunaikan dengan ikhlas dan jujur

KALAU kita perhatikan pergolakan hidup umat Islam sekarang ini nescaya kita akan dapati ada golongan yang menyia2kan tanggong-jawab mereka terhadap ugama dan ada pula golongan yang betul2 menunaikan tanggong-jawab mereka terhadap-nya.

Bagi mereka yang betul2 menunaikan tanggong-jawab terhadap ugama itu mereka lebeh mengutamakan keredhaan Allah lebeh dari kesukaan manusia, suka dan benchi-nya di-ukor menurut peduman Ugama. Mereka suka kepada orang2 yang mengerjakan perintah Allah sekali pun bukan saudara mara-nya, dan mereka tidak suka kepada orang2 yang melanggar batas2 ugama Allah sekali pun kerabat-nya yang paling hampir.

Firman Allah Subhanahu-Wataala di-dalam surah Al-Mujadalah ayat 22 yang bermaksud:

"Tidak-lah engkau dapati orang2 yang betul2 beriman kepada Allah dan hari kemudian, bahawa mereka suka kepada orang2 yang melanggar batas2 Allah dan Rasul-nya meskipun mereka itu bapa, anak, saudara atau kaum keluarganya. Mereka itu-lah yang di-tetapkan oleh Allah keimanan di-dalam hati-nya dan di-tegohkan-nya dengan roh daripada-nya. Dan dimasukkan-nya ka-dalam shorga yang mengalir sungai2 dari sebelah bawah-nya, mereka kekal di-dalam-nya. Allah suka kepada mereka dan mereka suka kepada Allah, mereka itu-lah golongan yang menyel-belahi Allah. Ketahui-lah bahawa golongan yang menyel-belahi Allah itu beroleh kemenangan".

Ada-lah satu perkara yang sulit dan payah mencari kemuliaan pada sisi Allah, tidak seperti mencari kemuliaan pada sisi manusia, kerana yang tahu akan perkara ini hanya-nya orang2 yang suchi hati-nya, kuat iman-nya dan tegoh keyakinan-nya. Tetapi orang yang tiada suchi hati-nya,

KHUTBAH JUMA'AT

orang2 yang munafik tidak mengetahui-nya. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Dan bagi Allah-lah kemuliaan itu dan bagi rasul-nya dan bagi orang2 yang beriman tetapi orang2 munafik tidak mengetahui".

Orang2 yang menunaikan tanggong-jawab itu, ada-lah bersikap jujur terhadap segala pekerjaan-nya kerana yang jujur itu di-selamatkan daripada segala bahaya.

Orang yang jujur tidak tertak hati-nya untuk melakukan kechurangan dan pengkhianatan sekali pun dia akan mendapat kepuasan hidup-nya kerana dia sedari bahawa kechurangan dan pengkhianatan itu termasuk dosa besar, Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Maukah aku khabarkan kepada kamu tentang sa-besar2 dosa? ia-itu berchakap bohong dan bersaksi palsu".

Oleh yang demikian mari-lah kita sentiasa menunaikan tanggong-jawab kita terhadap ugama dan segala tugas2 dan kewajipan2 kita dengan jujur dan ikhlas sa-mata2 untuk mencari keredhaan Allah, jauhi-lah sifat2 membelakangkan ugama, sifat2 churang dan khianat. Mudah2an Allah akan mengurniakan kepada kita kekuatan buat bekerja menunaikan tanggong-jawab terhadap ugama yang kita cintai. Amin ya rabal alamin.



HARI Pelajar bagi sekolah2 rendah Melayu di-seluruh negeri akan berakhir pada 29hb. Jun ini. Sejak Hari Pelajar itu di-mulakan pada awal bulan ini, sa-banyak lebeh dari 100 buah sekolah2 Melayu telah merayakan temasha itu. Gambar atas menunjukkan murid2 Sekolah Melayu Gadong sedang menyanyikan lagi Hari Pelajar sa-masa sekolah itu mengadakan Hari Pelajar pada hari Ahad 17hb. Jun.

Dua pegawai pertanian ka-Holland ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Pertanian pada hari Khamis lepas telah bertolak ka-Holland untuk menghadiri kursus dalam berbagai2 bidang pertanian.

Mereka ia-lah Awang Yap So Kiat, Penolong Pegawai Pertanian Daerah Belait dan Dayangku Halimah binte Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apeng, Pegawai Urusan Rumah Tangga Daerah Brunei/Muara.

Kursus yang di-adakan di-Weningan, Holland sa-lama lima minggu itu ada-lah anjuran Pusat Pertanian Antara Bangsa Holland, dan ini ia-lah kali kelima pegawai2 dari Jabatan Pertanian menghadiri kursus seperti itu.

Penduduk2 berpeluang beramah mesra

SENGKURONG. — Penduduk2 Kampung Sengkurong pada hari Jumaat lepas merasa bershukor kerana dapat beramah mesra dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah sa-jurus sa-lepas Yang Teramat Mulia itu menunaikan fardhu sembahyang Jumaat di-mesjid kampung tersebut.

Yang Teramat Mulia itu telah di-iringi oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain, Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish dan beberapa orang pegawai2 kanan Kerajaan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, sejak beberapa bulan, yang lalu ada-lah sering kali menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di-mesjid2 dalam kampung2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27hb. Jun, 1973 hingga ka-hari Selasa 3hb. Julai, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27hb. Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-38	6-10	
28hb. Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-38	6-10	
29hb. Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-38	6-10	
30hb. Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-38	6-10	
1hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-38	6-11	
2hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-38	6-11	
3hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-38	6-11	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Pemenang di-beri hadiah wang tunai

(Dari muka 2)

Di-Pertua W.I. telah di-pilih sebagai Pengerusi Pertunjukan Bunga2 Hidup ini.

Pertunjukan ini akan di-adakan di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan. Peraduan ini terbuka kepada orang ramai dan pokok2 hendak-lah di-tanam dan di-pelihara di-Brunei. Pokok2 bunga hidup dan okid untuk pertunjukan dan pertandingan akan di-terima pada 12hb. Julai, 1973 pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 6.00 petang. Manakala peneriman

gubah2an dari bunga2 hidup akan di-terima pada 13hb. Julai, jam 6.00 pagi hingga 9.00 pagi.

Pemenang2 tiap2 bahagian dan jenis akan di-hadiah wang tunai.

Pengerusi Pertunjukan Bunga2 Hidup, mengalu2kan supaya orang ramai memberi kerjasama dengan menghantar pokok2 bunga dan okid untuk pertunjukan/peraduan ini. Mereka yang menghendaki kenderaan untuk mengangkat pasu2 bunga boleh-lah berhubung dengan Davang Marhani Abd. Latiff, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bandar Seri Begawan, Brunei.



(27hb. Jun. 1973)

PERUSAHAAN KECIL2AN

LANGKAH Bijak Kerajaan mendatangkan tiga orang penasihat luar negeri untuk mengkaji kedudukan perusahaan kecil2an anak2 tempatan ada-lah satu langkah yang besar arti-nya.

Pengkajian itu ia-lah untuk menilai sa-jauh mana perkembangan bertukang besi, bertukang tembaga, bertukang perak dan emas dan bertenun kain untuk di-laksanakan dengan baik menurut sistem perusahaan yang maju.

Kita tidak dapat menafikan bahawa kerja2 demikian adalah warisan peninggalan dari dato nenek kita sejak dahulu lagi yang hingga sekarang ia-nya hampir2 di-lumpuhkan oleh satu perlumbaan perdagangan pasaran yang mementingkan dari segi mutu chipta dengan peringkat nilai2 yang tinggi.

Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail pernah melahirkan harapan-nya dimajlis dailog baru2 ini supaya perusahaan kecil2an yang di-maksudkan itu dapat di-hidupkan sa-mula dan di-jadikan satu mata pencaharian yang lumayan penting-nya ia-lah menghidupkan kembali semangat yang mencherminakan kehidupan dan kebudayaan bangsa Brunei yang pernah menjadi lambang keagungan dan menjadi ristaan sejarah.

Harapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar juga di-tekanakan kepada pengusaha2 perusahaan itu supaya mulai dari sekarang mereka harus membuat persediaan2 yang perlu bagi menumpukan tenaga ka-arah untuk menghidupkan kembali jenis kerja dari datok nenek kita itu.

Namun demikian dengan kebijaksanaan kerajaan yang chuba menitek beratkan usaha2 tersebut, maka kita berasa bersyukur ada-nya tanda2 keagungan kebudayaan bangsa kita masih tetap bersemadi, masih boleh di-hidupkan dengan satu nafas baru meskipun di-masa2 lampau keadaan gelap antara tenggelam dan timbul tetapi sekarang harapan itu nampak-nya kembali berbinar dan sinaran itu pula dengan izin Allah semoga tidak akan pudar2 lagi.

Harapan yang pernah di-suarakan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar itu tidak akan sia-sia2kan malah harus di-sanjong tinggi sa-bagai satu azimat dan perangsang untuk maju ka-arrah satu tekad dan azam yang bulat untuk membangun.

Sa-benar-nya jika di-tinjau dari segi membuat parang, sabit dan kapak sudah pun di-usahakan sekarang oleh orang2 perseorangan chuma ia-nya hanya di-perlukan oleh sa-kelompok kecil saja.

Demikian juga perusahaan tembaga, emas dan perak chuma di-buat sa-kadar memenohi masa lapang dan hanya menunaikan hajat dari pelanggannya saja tetapi chara demikian tidak-lah begitu besar arti-nya.

(Lihat muka 8)

TIGA STRATEJI PENTING DLM RKN

Abd. Wahab Mohd.:-

Dato, pada petang kelmarin, ia-itu hari Isnin 25hb. Jun, Dato telah mengadakan perjumpaan khas dan ramah mesra dengan Jawatan Kuasa Tertinggi Dewan Perniagaan China. Apa-kah maksud perjumpaan itu Dato?

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz:-

Saya fikir ahli2 jawatankuasa atau tawkey2 itu memang sedia maklom terhadap keadaan Negeri Brunei Darussalam sekarang ini, yang mana mereka juga mendengar atau maklom akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei supaya Kerajaan Baginda melaksanakan ikhtiar2 bagi menyusun satu Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru yang lebih banyak menumpukan kepada soal2 mengatasi pengangguran atau pada menimbulkan mata2 pencaharian di-negeri ini yang mana barangkali ada-lah satu masalah yang sedang di-alami oleh bumi-putera.

Jadi di-pehak Kerajaan beberapa projek yang besar seperti mengadakan perusahaan2 atau menggalakkan perusahaan2 perindustrian akan segera di-laksanakan sa-baik2 saja rancangan kemajuan yang baru itu mula hendak di-jalankan dalam jangka waktu yang tidak lama, kita harap.

Jadi perjumpaan hari itu, adalah satu perjumpaan yang di-niatkan sa-chara muhibbah antara pehak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dengan pehak Dewan Perniagaan yang di-pimpin oleh mereka yang hadir pada hari itu.

Saya berpendapat sa-bagai penduduk dalam negeri ini, mereka semua ada-lah memegang tanggung-jawap yang penting dalam salah satu chiri perkembangan perekonomian negara dan dalam satu chiri untuk mengekalkan kebajikan raayat bumi-putera khas-nya serta dalam salah satu chiri untuk sama2 menjaga keadaan yang aman dan tenteram yang telah di-nikmati di-negeri ini sa-lama ini.

Abd. Wahab Mohd.:-

Dato menyebutkan ada tiga CHIRI. Pertama2 chiri perkembangan perekonomian negara, kedua chiri untuk mengekalkan kebajikan raayat bumi-putera, dan ketiga chiri menjaga keadaan yang aman dan tenteram. Jadi saya ingin tau Dato, jalan yang macham mana-kah ketiga2 chiri itu harus di-amalkan?

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz:-

Tiga Chiri, atau jika kita meminjam istilah pada masa ini strategi atau tiga bahagian yang saya maksudkan itu ada-lah menjadi satu tanggung-jawap yang mereka untuk memikul-nya dengan amalan2 melalui semangat muhibbah, semangat bertanggung-jawap terhadap kebajikan raayat dan tidak kurang penting-nya keamanan negara di-samping mereka memperjuangkan terus dan memperbesar-kan perniagaan mereka.

Jadi dalam memperbesarkan dan menguatkan lapangan2 perniagaan mereka itu pula, hendak-nya-lah mereka jangan lupa akan kepentingan2 terhadap negara di-mana mereka berpijak dan pernah merafakan taat setia mereka yang tidak berbelah bahagi kepada negara

- Perkembangan ekonomi negara
- Mengekalkan kebajikan raayat bumiputera
- Menjaga keadaan yang aman dan tenteram

Wawanchara Pemangku S.U.K., Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz dengan Pengelola Rancangan Bahagian Melayu Radio Brunei, Awg. Abd. Wahab bin Mohd. mengenai dengan perjumpaan Yang Berhormat itu dengan ahli2 jawatankuasa tertinggi Dewan Perniagaan China.

Wawanchara itu telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada malam semalam.

dan khas-nya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memimpin dan mewarisi negara ini, ia-itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei. Jadi dalam menyebarkan ucapan2 taat setia mereka itu, bila mana di-adakan sambutan2 misalan-nya sambutan2 Hari Keputeraan Baginda dari sa-lahun ka-setahun saya fikir mereka tentu menyedari bahawa churahan taat setia yang rasmi seperti di-Lapau kemudian di-perdengarkan kepada umum melalui siaran2 akhbar dan Radio tentu-lah di-lahirkan dari perasaan mereka yang tulus ikhlas dan benar2 taat dan setia dalam pengertian yang sebenar-nya.

Jadi saya harap mudah2an sangkaan saya yang mereka benar2 taat setia dalam pengertian yang sebenar2-nya itu ada-lah benar, dan saya percaya juga, churahan taat setia itu akan benar2 di-praktikkan untuk kebajikan negara, dan khas-nya untuk kebajikan raayat seluroh-nya.

Abd. Wahab Mohd.:-

Saya fikir soal taat setia ini Dato, ada-lah satu perkara yang amat penting, baik pada diri perseorangan apatah lagi pada kaum atau penduduk se-sebuah negeri pada 'am-nya, sebab menguchapkan taat setia itu bukan hanya manis di-bibir dan lemak di-lidah, tetapi ia-nya ada-lah terbit dari hati ka-hati. Bagaimana pendapat Dato?

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz:-

Saya ingat dalam soal taat setia ini ada-lah satu soal yang amat berat dan sa-harus-nya sa-belum merafakan-nya hendak-lah di-fikirkan terlebih dahulu dengan semasak-masak-nya apa-kah taat setia itu benar2 dapat di-laksanakan dengan tidak menyimpan sebarang maksud yang jahat seperti kata pepatah kita Melayu "pepat di-luar rincung di-dalam" ataupun orang2 kampung kita selalu berbahasa "lungkit ba-supang-galan".

Tetapi saya yakin, orang2 asing yang diam di-negeri ini atau-pun saya harap tidak menyimpan perasaan atau maksud yang sedemikian, bahkan perasaan muhibbah, atau persaudaraan itu akan dapat dipupok dengan sa-baik2-nya di-antara semua golongan dalam hasrat kita untuk mengukuhkan kedudukan kita sa-bagai orang2 yang berbangsa satu dan bernegara satu ia-itu berbangsa Brunei dan bernegara Brunei Darussalam.

Abd. Wahab Mohd.:-

Awal2 tadi Dato ada mengatakan dalam menyusun satu rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru, lebih banyak akan ber-

tumpu kepada soal2 mengatasi pengangguran di-negeri kita ini, yang di-alami sendiri oleh bumiputera. Apa-kah dalam rancangan pembangunan negara yang baru itu nanti benar2 akan dapat mengatasi masalah itu? Dan bagi mana dengan keadaan sekarang ini?

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz:-

Masalah pengangguran sekarang atau pun masalaah pemilihan pekerjaan yang di-timbulkan sa-bagai masalaah pengangguran ia-lah satu perkara yang kita harap sa-lain dari Kerajaan dapat mengadakan kemudahan2 pekerjaan kepada bumi-putera akan dapat kita atasi atau pun fikiran dengan menggalakkan pehak2 sharikat2 perniagaan seperti sharikat2 perniagaan melalui Dewan Perniagaan China, bank2, sharikat2 yang lain2 seperti Sharikat Kewangan, Sharikat Mi-nyak, Sharikat LNG memikirkan bersama untuk menyediakan lapangan2 pekerjaan yang boleh di-buat oleh bumi-putera atau pun pada melateh menggalakkan latehan2 kepada bumi-putera ini adalah salah satu usaha yang dapat memboktikan ketataan dan kesetiaan terhadap negara dan Raja seperti mana yang mereka (pemimpin2 Dewan Perniagaan China pernah persembahkan itu).

Dalam perjumpaan itu jika saya boleh balek apa yang telah berlaku, saya telah membentangkan kepada mereka akan dasar2 am mengenai dengan arahan2 kepada Jabatan Imigresen berhubung dengan pengambilan pekerja2 asing.

Mereka telah di-fahamkan bahawa tenaga manusia atau pun tenaga2 terlatih sangat2-lah berkekurangan di-negeri ini ia-itu bagi faedah2 mengendalikan perusahaan dan perkhidmatan2 yang mustahak bagi perkembangan dan kebaikan negeri ini. Kita sedia maklom bahawa kekurangan ini bukan-lah sahaja mengenai lapangan2 pekerjaan yang berkemahiran atau sa-paroh berkemahiran yang menghendaki orang2 yang terlatih atau mempunyai pengalaman tetapi juga mengenai pekerjaan2 yang tidak berkemahiran yang kadang2 tidak menarek kepada penduduk2 tempatan oleh kerana ada-lah sangat berfaedah bagi Brunei supaya perusahaan2 yang menghasilkan sa-suatu yang dapat memberikan kepentingan dalam memperteguhkan lagi ekonomi negara dan perkhidmatan2 yang mustahak yang boleh memberikan kesenangan pada raayat, maka semua itu ada-lah berkehendakan pekerja2 yang mencukupi dan kemasokan tenaga2 asing bagi maksud ini memang-lah di-anggap perlu atau pun kita galakkan.

Ada-lah di-aku juga bahawa buat sementara terpaksa-lah di-terima pekerja2 asing yang ra-

(Lihat muka 5)

Pengambilan bekerja orang2 asing hendaklah di-hadkan

(Dari muka 4)

mai bilangan-nya itu sa-bagai sam-bongan yang terus-menerus sa-lama beberapa tahun yang akan datang tapi bukan-lah dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk (ba-hawa orang2 asing itu akan di-benarkan supaya menetap di-Bru-nei) hanya sa-kadar sementara te-naga2 tempatan terlatih atau tidak terlatih atau-pun sa-paroh terlatih belum ada atau pun belum pupus di-lateh sa-lagi itu kemasokan me-reka atau pun mereka terus-menerus bertugas di-sini ada-lah di-ga'akkan. Istemawa memikirkan ranchangan kemajuan negara lima tahun yang akan datang ini kerana pelaksanaan sama ada projek2 yang di-anjorkan oleh Kerajaan atau pun sektor2 persendirian ma-seh memerlukan dan tetap memer-kan tenaga2 yang terlatih.

Abd. Wahab Mohd.:-

Dalam masaalah pengambilan orang2 luar, atau pekerja2 luar yang di-anggap berkemahiran, berkebolehan atau berpengalaman yang di-perlukan oleh majikan atau negara, bagaimana-kah sha-rat2 penerimaan mereka itu? Da-pat Dato terangkan?

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz:-

Sungguh pun ada-nya sa-bilangan besar orang2 luar terpaksa di-terima kerana mereka itu perlu untuk ekonomi negara, tetapi bagi me-mikirkan kepentingan rayat serta kepentingan keselamatan dan ke-tenteraman negara, maka pengam-bilan pekerja2 asing itu ada-lah tergantung kepada beberapa sha-rat yang di-fikirkan penting di-kenakan, antara sharat2 itu ia-lah:

ini istemawa kita mengenangkan Ranchangan Kemajuan Negara yang akan datang. Arti-nya peker-jaan yang belum di-kendalikan pada masa ini yang perlu di-ken-dalikan itu boleh kita sharatkan sa-bagai satu keutamaan. Untuk mengambil dan melateh orang2 tempatan ini juga satu perkara yang penting dalam pekerjaan2 dan perusahaan yang menarek hati me-reka arti-nya dalam membuka pe-luang2 yang baru atau peluang2 yang ada pada masa ini atau pun usaha2 yang akan datang dan usa-ha2 yang sedang di-jalankan pada masa ini hendak-lah ada rancha-ngan atau pun program di-hadap-kan kepada pehak yang berkaitan. Chara2 untuk melateh anak2 tem-patan itu dengan sharat2 yang ter-tentu dan dalam jangka waktu yang di-tentukan. Jadi kita tidak lari ka-sana kemari arti-nya tiap2 satu kemasokan orang asing itu atau pun permohonan untuk me-nurunkan perkhidmatan orang itu, tentu tidak banyak sedikit pun ada-lah ranchangan ini bilangan orang2 yang akan di-lateh, ini jangka wak-tu dan ini kelulusan orang yang akan di-lateh itu, ini sharat2 dari-nya dll. Jadi kita dapat meninjau atau pun menduga berapa tahun sa-suatu mata pencharian itu akan dapat di-kendalikan oleh anak2 tempatan sendiri.

Abd. Wahab Mohd.:-

Dato mengatakan arahan kepada Pengawal Imigresen, mula di-kuat kuasakan, apa-kah arahan itu, dan apa-kah langkah yang di-buat, se-dang di-buat dan akan di-buat dari satu masa ka-satu masa oleh Jaba-tan Imigresen terhadap pekerja2 asing yang sudah begitu lama me-tap di-negeri ini?

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz:-

Satu perkara yang ingin saya jelaskan ia-lah langkah Jabatan Imigresen memberi notis keluar kepada pekerja2 asing yang sudah begitu lama menetap di-negeri ini ia-itu langkah ini ada-lah se-mata2 untuk menunaikan dasar2 yang saya sebutkan tadi bagi me-njaga kepentingan bumi-putera dan mempertahankan lagi nilai2 ke-mamanan dan ketenteraman yang di-nikmati di-negeri ini. Mengenai dengan hal itu kita sedia maklom bahawa bukan-lah niat untuk mengeluarkan orang2 ini chara be-gitu sahaja, niat yang sa-benar-nya ada-lah sa-bagai satu ujian atau bagi membolehkan Kerajaan me-nilai sa-takat mana dasar itu be-nar2 di-penuhi oleh pekerja2 asing itu.

Abd. Wahab Mohd.:-

Bagaimana jika ada permohon-an baru bagi mengambil balek orang2 yang telah di-beri notis ke-luar oleh Jabatan Imigresen, da-pat-kah di-pertimbangan semula?

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz:-

Mengenai dengan permohon-an2 untuk mengambil balek peker-ja2 itu atau pun pada mem-bohkan mereka terus-menerus bertugas di-negeri ini, apa yang sama sekali tidak menarek perha-tian Kerajaan untuk mempertim-bangkan-nya ia-lah ada-nya amal-an2 Ali Baba dalam masalah ini, perkara ini memang tidak di-ga-lakkan kerana ia-nya merupakan satu penyakit yang boleh me-ra-chun kepentingan bumi-putera atau pun negara Brunei Darus-salam. Maka bagi memandang jauh kehadapan akan untong na-sib bumi-putera ini-lah amalan2

Ali Baba itu merupakan musoh yang paling di-benci oleh Kera-jaan Duli Yang Maha Mulia. Satu perkara lagi yang tidak dapat di-pertimbangkan oleh Kerajaan atas permohonan2 semu-a ia-lah pada memikirkan ada-nya yang bertengangan dengan seba-rang undang2 negeri seperti me-lanagar Undang2 Lembaga Ban-daran, jadi jenis2 ini-lah yang ki-ta tidak dapat atau pun susah un-tok mempertimbangkan-nya. Ber-balek kepada jenis Ali Baba mi-thalan-nya sa-seorang yang tidak mempunyai apa2 projek, mempu-nyai Labour Quota atau pun Lesen memasokkan orang2 yang terlatih ka-Brunei ini, jadi orang2 yang mempunyai projek sa-benar-nya itu terpaksa menyewa lesen ini dengan bayaran yang tertentu bayaran tahunan. Orang Kontrektor ini memang-lah apabila me-mberikan bayaran yang seperti itu akan mengenangkan bayaran sa-ba-gai sa-bahagian daripada perbelan-jaan-nya dan dengan hal yang de-mikian menaikkan harga projek dan projek2 ini siapa punya? anak negeri yang punya projek. Mi-thalan-nya kita membangun ru-mah, rumah kita jadi mahal, ini-lah saya maksudkan sa-bagai Ali Baba. Ini-lah perkara2 yang tidak dapat di-timbangkan o'leh Kera-jaan, ini-lah yang kita mahu kikis yang kita mahu putehkan perkara yang seperti ini. Tapi dalam soal

Abd. Wahab Mohd.:-

Mengenai dengan perjumpaan muhibbah di-antara Dato dengan ahli2 Jawatankuasa Tertinggi De-wan Perniagaan Ch.na Brunei itu, bagaimana-kah hasil-nya dan apa-kah rumusan yang mereka akan ambil?

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz:

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu-wa-alaa saebenar-nya saya bergembira atas samouan da-ri pada Dewan Perniagaan China knas-nya pada hari itu yang mana mereka telah menyambut baik sa-benar-nya mereka memoerikan su-kongan 100% teruadap angkan Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. pada merapatkan lagi atau pun niat melateh lagi anak2 tempatan dalam kerja2 yang mereka ken-dalikan dan sa-lanjut-nya mereka juga telah menerima satu cha-dangan daripada Kerajaan yang di-salurkan melalui Pejabat Bu-roh mengenai dengan perkara yang menetapkan waktu bekerja, gaji, hak2 percutian dan lain2 yang mana ada-lah satu2-nya rungutan yang saya telah di-fahamkan dari-pada penduduk2 tempatan dalam bekerja sa-bagai pekerja projek2 yang di-kendalikan oleh Dewan Perniagaan China itu, mithal-nya, masaalah gaji tidak cukup, beker-ja terlalu panjang masa dan lain dan perkara ini telah di-sesuaikan dengan kedudukan negeri ini mithalan-nya gaji tidak kurang se-kian2 waktu bekerja sekian2, chu-ti sekian2 dan perkara2 seperti ini telah di-terima sa-bulat2-nya o'leh Dewan Perniagaan China itu dan saya perchaya penerimaan mereka itu ada-lah pada mem-buktikan kerjasama mereka de-ngan Kerajaan D.Y.M.M.

Abd. Wahab Mohd.:-

Barangkali Dato ingin mengambil kesempatan bagi menyampaikan seruan mesra dari hati ka-hati ka-pada Dewan2 Perniagaan China, India atau mana2 pehak seumpama itu yang ada di-negeri kita ini, sila-kan Dato.

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz:-

Saya ingin menyatakan penghar-gaan kepada pehak Dewan Pernia-gaan China dan melalui mereka kepada sa-siapa jua yang menyam-but dan menyatakan kerjasama me-reka serta membuktikan kerjasama2 itu pada mengenakkan perkem-bangan ekonomi negeri ini dan saya harap chontoh yang di-beri-kan oleh Dewan Perniagaan China ini akan dapat di-ikuti oleh lain2 sektor persendirian, bank2, dewan perniagaan yang lain. Sharikat2 di-seluruh negeri dan juga chontoh seperti ini telah di-perlihatkan dan di-buktikan oleh Sharikat Shell yang mana sekarang urusan2 detail sedang di-jalankan dari satu masa ka-satu masa pada memenohi ja-watan2 di-Sharikat Shell itu oleh anak2 tempatan yang berkelayakan atau pun yang mempunyai kela-yakan2 yang sesuai dan munasa-bah. Jadi chontoh kedua2 Badan ini (Sharikat Shell dan Dewan Pernia-gaan China) ada-lah satu perkara yang berkebakikan dan yang dapat di-jadikan chontoh bagi lain2 ba-dan perniagaan bagi seluroh Negeri Brunei ini tadi saya berseru ka-arah itu supaya chontoh yang baik itu akan di-jadikan tauladan kap-da lain2 badan yang belum atau pun yang maseh lagi berniat untuk menghadapkan keriasama mereka atau pun sedang memikirkan lang-kah2 yang akan mereka akan ambil dalam perkara ini. Terima kaseh.

(1) Pengambilan bekerja orang2 asing hendaklah di-hadkan se-berapa boleh kepada perusahaan2 dan perkhidmatan2 yang mendatangkan sa-chara lang-song penghasilan dan perkem-bangan ekonomi negeri ini atau ada-lah penting untuk kebaikan rayat-nya, (rayat Brunei Darussalam) dan bilangan yang di-ambil bekerja hendak-lah tidak lebih dari yang di-perlukan bagi menialankan perusahaan2 dan perkhidmatan2 itu dengan sem-purna. Itu dasar yang pertama.

(2) Dan sharat yang kedua, me sti ada aukan atau pun ranchangan (program) yang munasabah da-lam tiap2 perkara bahawa orang2 asing itu mempunyai kelayakan atau pengalaman yang perlu untuk pekerjaan yang ia-nya di-ambil, dan bahawa tidak ada orang tempatan yang mem-punyai kelayakan yang memuas-kan, erti-nya "di-pisi" benar2 sa-telah melihat kelayakan orang2 asing itu, di-pisi-lah benar2 yang orang tempatan tidak mempunyai kelayakan yang sama atau sa-banding dengan-nya atau jika pekerjaan ia-lah pekerjaan yang tidak ada orang tempatan yang mahukan pekerjaan itu, berarti walau-pun ia tidak berkamahiran ka-lau kita tidak mendapat orang2 tempatan yang dapat mengen-dalikan-nya, sedangkan pekerjaan itu maseh juza kita perlukan untuk di-kendalikan itu-lah di-anggap sa-bagai sharat yang kedua.

Kemudian sa-lain daripada itu kita juga ingin melihat sa-bagai sharat yang ketiga seberapa yang dapat pengambilan pekerja orang2 asing hendak-lah di-arahkan bagi membuka peluang2 yang baharu,



DUA orang pegawai kerajaan dan sa-orang guru perempuan yang bersara telah di-ra'ikan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dalam satu majlis yang di-adakan di-dewan bangunan PGGMB pada minggu lalu.

Kengaz orang mereka itu yang juga menjadi ahli PGGMB telah bersara dari perkhidmatan kerajaan baru2 ini.

Mereka ia-lah Awang Haji Hussain bin Md. Yussof, Awang Haji Daud bin Seruddin dan Che'gu Dayang Damit binte Ahmad.

Gambar atas menunjukkan Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Shabbudin bin Saleh sedang menyampaikan chenderamata kepada Awg. Haji Hussain dalam majlis perpisahan itu.

Jadual perlawanan bola sepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hanya tinggal 23 perlawanan saja lagi akan di-pertandingkan dalam perlawanan bola sepak bagi menentukan bahagian kumpulan anjoran Persatuan Bola Sepak Amat Negeri Brunei.

Tiga belas perlawanan lagi akan di-jalankan dalam minggu ini dan 10 perlawanan lagi akan di-jalankan dalam minggu hadapan.

Perlawanan bagi menentukan bahagian itu akan berakhir pada 6hb. Julai hadapan.

Pada hari Rabu 27hb. Jun — B.R.C. lawan SUMBILING di-padang Bandar Seri Begawan; M.S.S. lawan P.A.P.P. di-padang SOAS; PERKASA lawan MUZIUM di-padang Pulis Gadong dan PERKA lawan KUJAGA di-padang Sekolah Pertukangan.

Pada hari Jumaat 29hb. Jun — PERTANIAN lawan TUTONG di-padang Tutong; SUMBILING lawan KEKAL di-padang Pulis Gadong; SATRIA lawan J.K.R. di-padang SOAS; PERUBATAN lawan TALIKOM di-Berakas Kem dan AMDB lawan LETRIK di-padang Bandar Seri Begawan.

Pada hari Sabtu 30hb. Jun — IKERAB lawan PGGMB di-padang besar Bandar Seri Begawan.

Pada hari Ahad 1hb. Jun — I.B.B. lawan PULIS di-padang SOAS; D.B.B. lawan SUMBILING di-padang Berakas Kem dan T.A.S. lawan PERKASA di-padang Gadong.

Berikut ini ia-lah kedudukan mata kemenangan yang di-perolehi oleh tiap2 pasukan perlawanan sa-hingga 24hb. Jun.

(Dari muka 2)

Pedserta2 peraduan2 pintu gerbang berchuchol rumah2, kedai2, bangunan2 dan sekolah2 tidak di-benarkan menggunakan lambang2 kechual mendapat kebenaran daripada Jabatan Adat Istiadat.

Tempat yang di-hakimkan ia-lah pintu gerbang di-kawasan Bandar Seri Begawan.

Berchuchol rumah2, kedai2, bangunan2 dan sekolah2 ada-lah Jalan Tutong hingga batu 10, Jalan Gadong hingga Balai Pulis Gadong, Jalan Muara hingga batu 7, Jalan Berakas hingga batu 7, Jalan Kota Batu hingga ka-kawasan yang ada letrik, Kampong Perpindahan Burong Pingai Berakas, Kampong Anggerak Desa dan Kampong Delima Satu dan Dua Jalan Berakas.

1973 KEDUDOKAN PADA PERMAINAN SA-HINGGA 24HB JUN, 1973.

Bil.	Nama Pasokan	P	M	S	K	Gol		Mata
						Sdri	Lwn	
1.	POLIS	6	6	0	0	39	7	12
2.	PERKASA	6	6	0	0	22	3	12
3.	I.B.B.	5	5	0	0	37	6	10
4.	A.M.D.B.	5	5	0	0	24	3	10
5.	KUJAGA	6	5	0	1	22	6	10
6.	PELAJARAN	5	4	0	1	31	10	8
7.	P.A.P.P.	5	4	0	1	24	4	8
8.	IKERAB	6	4	0	2	24	12	8
9.	PERKA	6	4	0	2	21	14	8
10.	SUMBILING	5	3	0	2	18	11	6
11.	M.S.S.	6	2	1	3	22	22	5
12.	D.B.P.	5	2	1	2	14	17	5
13.	K.P.P.S.K.	5	2	0	3	13	8	4
14.	KEKAL	6	2	0	4	13	20	4
15.	T.A.S.	6	2	0	4	16	35	4
16.	TUTONG	4	1	1	2	7	10	3
17.	SATRIA	4	1	1	2	9	14	3
18.	PERUBATAN	5	1	1	3	9	17	3
19.	MUZIUM	6	1	0	5	13	20	2
20.	P.G.G.M.B.	3	1	0	2	5	16	2
21.	LETRIK	5	1	0	4	6	18	2
22.	PERTANIAN	6	1	0	5	8	32	2
23.	B.R.C.	6	0	1	5	8	39	1
24.	J.K.R.	5	0	0	5	5	27	0
25.	TALIKOM	5	0	0	5	4	29	0

Jawatan2 Kosong

Sa-bagai Ketua Penterjemah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Ketua Penterjemah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan dengan mendapat kelulusan principal dalam Bahasa Melayu dan lulus dalam Kertas 'Am, atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya, serta mempunyai pengalaman menerjemah sa-lama sekurang2-nya 10 tahun; atau
- mempunyai Sijil Persekolahan Sebarang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman menerjemah sa-lama sekurang2-nya 15 tahun; atau
- mempunyai kelulusan Universiti yang di-iktiraf oleh Kerajaan atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — Brunei \$1000x30-1120/EB/1160x 30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Pengeluaran Lesen Teksi bagi Daerah Temburong

Ada-lah dengan ini di-ma'alomkan bahawa Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa akan mengeluarkan satu (1) lesen teksi bagi Daerah Temburong.

2. Penduduk2 Daerah Temburong yang berbangsa Brunei atau yang telah di-terima sa-bagai ra'ayat Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Brunei sama ada bergaji bulat atau bergaji hari sahaja boleh memohon bagi pertimbangan Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa. Pemohon yang berjaya ada-lah di-kehendaki memandu sendiri kereta teksi-nya itu nanti maka oleh itu sa-seorang pemohon mesti-lah mempunyai lesen memandu kereta.

3. Orang2 yang telah memohon atau nama mereka ada termasuk dalam satu "Sinarai Menunggu" di-pejabat ini hendak-lah memohon sa-mula jika mereka maseh berkehendakkan lesen tersebut dengan menerangkan bahawa nama mereka ada termasuk dalam Sinarai Menunggu itu atau memberi tahu kepada Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa yang mereka sukachita jika nama mereka dimasukkan bersama bagi pertimbangan Lembaga.

4. Semua pemohonan hendak-lah menggunakan borang permohonan yang boleh di-dapati di-Pejabat Daerah Temburong dan di-Ibu Pejabat Kenderaan Darat, Jalan Gadong, Brunei. Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Pegawai Daerah, Temburong dan hendak-lah sampai di-Ibu Pejabat Kenderaan Darat, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari 19hb. Julai, 1973 jam 4.00 petang.

(Abidin bin Abdul Rashid)
Pmk. Pengerusi
Lembaga Penguasa Melesen
Kereta Sewa,
Brunei.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan enap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb. Julai, 1973.

Penyelenggara Setor Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untuk jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam pengurusan Setor Bengkel dan Setor Bahagian Ayer, atau pengalaman yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.4 — \$540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9hb. Julai, 1973.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PERTANIAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayaan untuk memenohi jawatan2 kosong2 yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

A. KETUA PENYELIA TEKNIK (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Chalun2 hendak-lah sebaik2nya berumur antara 30 hingga 40 tahun dan mempunyai kelulusan Higher National Diploma in Civil Engineering atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya.
- Mesti-lah boleh bertutor dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.
- Chalun2 mesti-lah mempunyai sekurang2nya 10 tahun pengalaman da.am kerja2 Taniyer dan/atau Parit.
- Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang mempunyai pengaaman tambahan dalam bidang meteorology, hydrology dan kerja2 ukor.

Tugas2:

Termasuk-lah tanggung-jawab untuk menajankan kerja2 ukor, rekaan dan pembinaan kerja2 Parit dan Taniyer di-bawah arahan Pegawai Kanan yang menjaga Bahagian Parit dan Taniyer, Jabatan Pertanian.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — Brunei \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

B. TUKANG PELAN KANAN (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Chalu2 hendak-lah sebaik2nya berumur antara 25 hingga 36 tahun dan mempunyai keutamaan Higner National Diploma atau National Diploma in Survey, Engineering Drawing atau Cartography.
- Mesti-lah boleh bertutor dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.
- Chalu2 mesti-lah mempunyai sekurang2nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 meukis pelan, se-baik-nya dalam lapangan pelan2 Ukor dan/atau pelan2 kejuruteraan.
- Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang mempunyai pengalaman tambahan dalam lapangan aerial photo-interpretation.

Jenis Tugas:

Menjaga sa-buah pejabat pelan yang mana tugas utama-nya ia-lah untuk menyediakan peta2 dan lukisan2 untuk di-gunakan oleh Bahagian2 kajian tanah dan parit/ taniyer Jabatan Pertanian. Mungkin di-kehendaki untuk menjalani latihan lanjut sekira-nya di-lantek ka-dalam Perjawatan Tetap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — Brunei \$710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

C. PEMBANTU MAKMAL (2 jawatan)

- Chalu2 (lelaki atau perempuan) hendak-lah mempunyai, sebaik2nya, Sijil Tinggi Persekolahan Cambridge termasuklah kelulusan dalam Ilmu Hisab, Fizik dan Kimia. Pertimbangan akan juga di-beri kepada chalu2 yang mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge dengan mendapat kepujian dalam Ilmu

Hisab, Fizik dan Kimia.

- Mesti-lah boleh bertutor dan menulis bahasa Melayu dan Inggeris.

Jenis Tugas2:

Sa-telah menjalani latihan sengkak, di-kehendaki membuat kerja2 analisa tanah dan bahan2 tumbuh serta lain2 kerja analisa yang perlu di-Makmal Tanah Jabatan Pertanian, yang pada masa ini terletak di-Kilanas, di-bawah arahan Pakar Tanah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

D. PEMBANTU MAKAL RENDAH (1 jawatan)

Kelayakan2:

Chalu2 hendak-lah lulus S.R.P. dan faham menulis dan bertutor bahasa Melayu.

Jenis Tugas2:

Sa-telah menjalani latihan sengkak, di-kehendaki menjaga bilek chontoh di-Makmal Tanah Jabatan Pertanian, yang pada masa ini terletak di-Kilanas. Bertanggungjawab untuk menerima dan menyusun menurut daftar semua chontoh2 tanah dan bahan2 tumbuhan serta menyediakan bahan2 tersebut untuk analisa, di-bawah arahan Pakar Tanah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB 3 — \$230x10-290x15-380/EB/410x20-510. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

E. TUKANG LUKIS (1 jawatan)

Kelayakan2:

Chalu2 hendak-lah lulus S.R.P. dan faham menulis dan bertutor dalam bahasa Melayu.

Tugas2:

Sa-telah menjalani latihan sengkak, akan bertanggung-jawab melukis sa-harian peta2 dan lain2 dokumen di-bawah penyeliaan Tukang Pelan Kanan di-Pejabat pelan Jabatan Pertanian. Mungkin di-kehendaki menjalani latihan lanjut sekira-nya di-lantek ka-Perjawatan Tetap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB 3 — \$230x12-290x15-380 / EB / 410x20-510.

F. PEMERIKSA PARIT DAN TALI AYER (4 jawatan)

Kelayakan2:

Chalu2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 30 tahun dan lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah V Melayu. Mereka mesti-lah bersedia untuk bekerja di-kawasan2 penanaman padi di-seluruh Negeri. Pengetahuan Kerja2 mengukor ada-lah di-utamakan.

Chalu2 yang di-pileh akan di-kehendaki menjalani latihan dalam kerja2 mengukor sa-sudah menjalani satu tempoh perkhidmatan permulaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB 3 — \$230x10-290x15-380/EB/410x20-510.

G. PEMBANTU HAIWAN (1 jawatan)

Kelayakan2:

- Chalu2 mesti-lah mempunyai sa-suatu sijil latihan Haiwan daripada instituit yang di-iktiraf.
- Mesti-lah boleh bertutor

dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

- Mesti-lah sanggup bertugas dan pergi ke-mana2 tempat di-dalam Negeri.

Tugas2:

Untuk menjalankan tugas2 perusahaan ternakan dan pertanian di-bawah arahan Pegawai Haiwan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

H. PEGAWAI PERUSAHAAN KAMPONG (2 jawatan)

Kelayakan2:

Chalu2 mesti-lah perempuan yang berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2nya Tingkatan III Inggeris dan Darjah V Melayu. Mereka mesti-lah bersedia untuk pergi ka-kampung2 di-luar bandar dan sanggup melanjutkan pelajaran di-luar negeri.

Tugas2:

Mengajar kaum ibu dalam urusan2 seperti masak memasak, perkara2 yang berhubung dengan zat makanan, kebersihan, menjaga bayi, jahit menjahit dan chara2 berkebun sayur.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB 3 — \$230x10-290x15-380/EB/410x20-510. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan

pengalaman.

I. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II (2 jawatan)

Kelayakan2:

Chalu2 mesti-lah lulus S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2nya 5 tahun pengalaman bekerja dengan sa-sebuah setor "spare parts" kenderaan atau haiwan atau perubatan. Mereka mesti-lah berumur tidak kurang dari 25 tahun.

Tugas2:

Chalu2 yang berjaya di-kehendaki menjaga setor di-Pusat Pertanian Kilanas, atau setor2 yang lain kepunyaan Jabatan Pertanian apabila di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2 EB 3 — \$290x15-380/EB/410x20-510. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Suit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb. Julai, 1973.

Di-Jabatan Pelajaran

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Chalun2 yang terdiri rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

A. PEMBANTU MAKMAL (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, atau yang sa-banding dengan-nya, termasuk lulus dalam Bahasa Melayu.

Tugas2:

Pemeliharaan barang2 simpanan makmal; menyediakan kerja2 perubatan; dan lain2 tugas yang di-fikirkan perlu oleh Pengetua.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

B. PEMBANTU PERPUSTAKAAN (3 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, atau yang sa-banding dengan-nya, termasuk lulus dalam Bahasa Melayu. Keutamaan akan di-berikan kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sa-sebuah perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — \$230x10-280/EB/290x15-380. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

C. MEKANIK TINGKAT II (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekanik dengan sa-sebuah workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5-240.

D. TUKANG KAYU TINGKAT II (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2nya 3 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu akan juga di-pertimbangkan.

Pemohon2 mesti-lah boleh;

- menyediakan pelan2 dan lukisan2 kerja dan melaksanakan kerja2 itu; dan
- menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlu-kan untuk (a) di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5-240.

E. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II (3 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang2nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2 EB 3 — \$290x15-380/EB/410x20-510.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. Julai, 1973.



PEGAWAI Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait menerima cek bernilai \$6,225.00 sumbangan dari Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (gambar atas).

Cek tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua persatuan itu, Puan F. Singham dan di-saksikan oleh pegawai2 persatuan itu.

Wang tersebut ada-lah hasil kutipan sa-masa persatuan itu mengadakan pasar ria di-gelanggang sukan Setia baru2 ini.

DI-BANDAR SERI BEGAWAN, Setia Usaha Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri pada minggu lalu telah menerima \$3,577.60 sumbangan dari orang ramai untuk tabong stadium.

Dari jumlah itu, \$1,500.00 dari dermakan oleh Brunei Motor Supply; \$1,000 dari taukey kedai jam Chang Ein Hong; \$619.55 dari kedai kopi Kilauan Mewah; \$200.00 dari Circle Trading Company; \$100.00 dari Sharikat Pemunggaan dan Pengangkutan Dua Beradek; \$58.05 dari Awang Kamis bin Haji Tarsat, Kampong Kasat; \$50.00 dari Awang Abdullah bin Salleh dan \$50.00 dari Awang Baha bin Enak dan Awang Muda bin Tumang

Shor raayat terhadap RKN

(Dari muka 1)

Menyentuh mengenai dailog, Pemangku Menteri Besar juga mengharapkan supaya raayat dan penduduk negeri ini dapat memberikan pendapat dan buah2 fikiran mereka terhadap penyusunan Rancangan Kemajuan Negara yang sekarang sedang giat di-laksanakan.

Sa-barang shor2 dan pendapat2 itu bolch di-buat melalui surat dengan di-tujukan kepada Setia Usaha Perancang Kemajuan Negara di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan atau melalui Pegawai Daerah Brunei/Muara.

Akan di-siarkan minggu depan

RENCHANA 'Memperkenalkan Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei siri ketiga dan terakhir tidak dapat di-siarkan dalam keluaran ini oleh kerana ketiadaan ruangan.

Ranchana tersebut akan di-siarkan minggu depan.

Ka-Hong Kong ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Pembantu Balai Bomba telah berlepas ka-Hong Kong pada minggu lalu untuk mengikuti kursus sa-lama enam bulan di-sana.

Mereka ia-lah Awangku Ahmad bin Pengiran Apang dan Awang Hitam bin Sidek.

Kursus tersebut akan di-adakan di-Sekolah Latihan Bomba Pat Hcong, Wilayah Baru, Hong Kong.

(Dari muka 4)

Bagaimana pun perusahaan alat2 perhiasan perak maseh berjalan terus sekarang dan ada harapan besar perusahaan perak ini kian maju terutama sekali ia-nya di-gemari oleh pelanchong2.

Berbalek pula tentang perusahaan bertenen kain seperti bertabor, kain songkit, kain jong-sarat dan banyak lagi malah perusahaan ini mencapai taraf yang baik sa-hingga mendapat tempahan dari luar negeri.

Bukan perusahaan itu saja yang boleh di-buat oleh anak2 tempatan malah mereka boleh membuat kerja2 tukang kayu seperti membuat kerusi-meja dan lain2 peralatan rumah.

Usaha2 sa-rupa ini-lah yang di-tekanan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar kita supaya di-hidupkan sa-mula usaha2 itu dengan chara berkesan untuk kegunaan dalam negeri sapenoh-nya dan tidak lagi mengharapkan dari luar malah kalau boleh kita akan menjadi tukang pengexport sa-chara besar2an.

Sambil itu pula semua golongan peringkat masyarakat negeri ini harus-lah memberi sukongan moral dan material dan memberi keutamaan terhadap usaha2 anak2 negeri ini.

Pekerja2 yg di-beri notis boleh memohon semula dgn syarat...

(Dari muka 1)

kerja2 asing itu, tetapi apa yang menjadi satu soal kepada Kerajaan ia-lah tentang tidak timbul-nya anak2 tempatan yang di-bawah tangan mereka di-beri lathan2 yang berpatutan.

Menurut beliau, jika di-tinjau dari tempoh pekerja2 asing itu berada di-negeri ini dan jika benar2 mereka berhajat suchi untuk melateh bumiputera, maka sudah tentu lebeh banyak bilangan anak2 tempatan yang mempunyai kemahiran dalam berbagai lapangan pekerjaan pada masa ini.

Ketika menjawab satu rayuan dari salah sa-orang pemimpin Dewan Perniagaan China itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerja-

Tarikh di-lanjutkan hingga 30hb. Jun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan Badminton seluruh negeri anjoran Persatuan Kekal telah di-lanjutkan lagi sa-hingga 30hb. Jun ini.

Perlawanan itu di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari acara Perayaan Sambutan Hari Keputeraan yang ke-27 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Brunei/Muara.

Sa-takat ini sa-banyak 14 pasukan telah pun mendaftarkan bagi menyertai perlawanan yang akan di-adakan dalam pertengahan bulan Julai di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan itu.

Ia-nya terbuka kepada semua Persatuan2 Belia, Kelab2, Badan2 Persatuan, Jabatan2, Seko2ah2 dan Maktab2 di-seluruh negeri.

Bayaran masok menyertai perlawanan itu di-kenakan sa-banyak \$20.00 bagi satu pasukan dan tidak lebeh dari tiga pasukan bagi tiap2 sa-buah Persatuan.

Borang2 menyertai perlawanan itu sekarang maseh boleh di-dapati dari Awang Abdul Rahim bin Mat Walli dan Awangku Abdul Hamid bin Pengiran Abas di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan, Awang Hj. Ahmad bin Arshad di-Jabatan Setiausaha Kerajaan, Awang Alamin bin Haji Hanafiah di-Pejabat Talikom Bandar Seri Begawan.

Pemenang pertama dalam perlawanan itu akan menerima Perisai hadiah dari Yang Di-Mulikan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain, pemenang kedua akan menerima Piala hadiah dari Penasehat Persatuan Kekal Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin dan pemenang ketiga akan menerima piala hadiah dari Yang Di-Pertua Persatuan Kekal Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman.

Sa-banyak 10 hadiah2 lagi akan di-berikan kepada pemenang2 keempat dan kelima dalam perlawanan itu.

an menegaskan bahawa pekerja2 yang di-beri notis itu di-bolehkan memohon semula untuk bertugas di-negeri ini, tetapi mereka itu hendak-lah yang benar2 terdiri dari pekerja2 yang mahir dan tenaga mereka itu benar2 di-perlukan.

Satu syarat penting lagi, kata beliau, pekerja2 asing yang hendak memohon semula itu hendak-lah bersedia memberikan lathan2 kepada bumiputera dan perkara2 yang mustahak ini hendak-lah diakui sa-chara bertulis dan dikeluarkan oleh majikan2 yang memerlukan tenaga2 mereka itu.

Beliau menambah ka-rah ini-lah kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah menggalakkan pekerja2 yang berkaitan itu untuk terus bertugas di-negeri ini menurut syarat2 tersebut.

Pemimpin2 Dewan Perniagaan China itu 100% telah memberikan sukongan mereka terhadap dasar2 itu dan telah mengakui tentang betapa penting-nya anak2 tempatan di-berikan bimbingan dalam apa jua bidang supaya negeri ini dapat di-kendalikan ekonomi-nya dengan sa-chara aman, damai dan makmor.

Y.D.M. Pehin Kapitan China Kornia Diraja Awang Lim Teek Hoo di-samping menyukong penoh akan dasar2 itu telah menayakan kesediaan Dewan Perniagaan China untuk memberikan pekerjaan2 yang berpatutan kepada bumiputera, termasuk di-kedai2 asalkan bumiputera, khas-nya orang2 Melayu bersedia bekerja dengan mereka.

Pekah Dewan Perniagaan China juga telah menyambut baik akan peratoran2 yang telah di-kecilkan oleh Kerajaan D.Y.M.M. melalui Jabatan Buroh-nya bagi menarek orang2 tempatan bekerja di-sektor2 persendirian.

Peratoran2 yang di-keluarkan oleh Jabatan Buroh itu ada-lah mengandongi beberapa jaminan2 penting kepada pekerja2 tempatan seperti soal2 gaji yang berpatutan, tempoh masa bekerja, bayaran lebeh masa bekerja, hari2 rehat, hari2 kelepasan dan juga chuti tahunan.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan mengaulkan sikap kesedaran dari pekah Dewan Perniagaan China itu, khas-nya bagi sama2 memikul tanggungjawab terhadap keharmonian masyarakat Brunei dan menjaga kepentingan2 ekonomi negara serta mempesat dan memboktikan lagi taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh semua kaum khas kaum Tiong Hwa di-negeri.

Beliau berharap supaya semang yang demikian itu akan dapat di-amalkan terus-menerus demi untuk melahirkan Brunei sa-bagai sa-buah negara yang benar2 membangun dan raayat-nya senentiasa hidup dalam keadaan yang gembira.

Turut hadir dalam perjumpaan itu ia-lah Y.B. Pehin Datu Temenggong, Awang Lim Ching Choo dan Y.B. Pehin Bendahari China, Awang Hong Kok Tin.